

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]

SOALAN :

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan terperinci bagi projek pembinaan perkhidmatan tren elektrik (ETS) dari Kuala Lumpur hingga ke Padang Besar dan berapakah jumlah statistik penggunaan tren ETS direkodkan berbanding KTM.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pembinaan perkhidmatan tren elektrik (ETS) dari Kuala Lumpur hingga ke Padang Besar adalah terdiri daripada pembinaan infrastruktur iaitu landasan berkembar elektrik sektor Lembah Kelang, Rawang – Ipoh dan Ipoh – Padang Besar serta perolehan 15 set ETS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa sektor daripada infrastruktur yang dibangunkan untuk Perkhidmatan ETS itu juga turut digunakan secara bersama oleh perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang lain seperti Perkhidmatan Komuter, Antarabandar dan Kargo.

2. Sehingga bulan Disember 2015, seramai 1,255,574 orang penumpang telah menggunakan Perkhidmatan ETS bagi sektor Kuala Lumpur – Padang Besar sejak ia mula beroperasi pada 11 Julai 2015. Jumlah ini mewakili 4.6% daripada jumlah keseluruhan 27,401,130 penumpang bagi semua perkhidmatan KTMB dalam tempoh tersebut, iaitu perkhidmatan ETS, Komuter dan Antarabandar.

Sekian, terima kasih.